



Engsel Kehidupan

57
B

MOHD DAUD BAKAR



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

ENGSEL KEHIDUPAN

Mohd Daud Bakar

Y.A.B. TUN DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD

PUSTAKA PERDANA



1013497



Terbitan 2019
Cetakan Mac 2019

Amanie Media Sdn Bhd.
Level 13A-2,
Menara Tokio Marine Life,
189, Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur,
Malaysia.

www.amaniemedia.com

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Amanie Media Sdn. Bhd.

ISBN: 978-967-2302-07-0
978-967-2302-08-7 (e-Book)

Dicetak di Malaysia oleh Percetakan Haji Jantan Sdn Bhd

ISI KANDUNGAN

Pendahuluan & Prakata	ix
Bab Pertama : Pengertian Kehidupan Terkait dan Terangkum@Berengsel.....	1
Mampukah Manusia Hidup Berseorangan?	3
Salah Faham Agama	
Kehidupan Yang Terangkum.....	10
Manifestasi Kehidupan Yang Terangkum	13
Fekah keterangkuman.....	18
Bab Kedua : Dunia Binaan dan Kejuruteraan Tanpa Engsel	23
Pintu Tanpa Engsel.....	23
Evolusi Engsel di atas Mukabumi	26
Bab Tiga : Dunia Tanpa Engsel Kehidupan	31
Isyarat Halus Quran Tentang Engsel Kehidupan	32
Kehidupan Beragama Kehidupan Berwarna-Warni.....	33
Kenapa Engsel Kehidupan Penting?	35
Bab Empat : Libat-sama (<i>Engagement</i>) dan Bermusyawarah.....	39
Rahsia di Sebalik Khitab Jama'i (Komuniasi Terarah Secara Kolektif).....	41
Sosiologi dan Psikologi Mereka Yang Tidak Suka Engagement	43
Kenapa Penting Sangat Bermusyawarah?.....	47

Impak Sosial Amalan <i>Syura</i>	51
Bab Lima : Keadilan dan Ihsan	57
Keadilan adalah Wajah Kemanusiaan	59
Engsel Keadilan Yang Terkehel	62
Suara Keadilan Dalam Quran	63
Keadilan Tidak Memadai Tanpa Ihsan.....	65
Bab Enam : Timbang Rasa dan Belas Kasihan.....	73
Manusia Tidak Senasib Tetapi....	75
Bahana Apabila Engsel Kasih Sayang dan Belas Kasihan Patah.....	79
Empati dalam Kehidupan.....	86
Tiada Pilih Kasih Dalam Kasih Sayang dan Belas Kasihian	89
Bab Tujuh : Peluang Kedua dan Motivasi Diri selepas Kegagalan	93
Kenapa Perlu Gagal?	94
Kenapa Perlu Kemaafan?.....	97
Kemaafan Sesama Manusia	100
Memberi Kemaafan Jalan Ketakwaan.....	101
Adakah Kita Perlu Memberi Peluang Kedua kepada Semua Orang?.....	105
Kemaafan dalam Struktur Sosial Masyarakat	106



Menginstitutionalkan Dasar Kemaafan dalam Masyarakat.....	115
Bab Lapan : Silaturrahim dan Ukhuwwah	119
Justifikasi Pemotong Litar Hubungan Kekeluargaan....	121
Rasionalisasi Pemotongan Litar Hubungan Kekeluargaan.....	124
Engsel Hubungan Kemanusiaan	125
Persaudaraan adalah Hak Semua Manusia	128
Bab Sembilan : Personaliti “Kerahmatan”	133
Personaliti “Kerahmatan” Anugerah Allah	133
Ciri-Ciri Personaliti “Kerahmatan”	134
Bab Sepuluh : Kebajikan dan Kedermawanan (Filantropi).....	143
Aktiviti Kebajikan Pemanis Kehidupan	145
Kehebatan Quran Dalam Pengungkapan Kebajikan	147
Perspektif Ekosistem Kehidupan Terhadap Kebajikan.....	149
Bab Sebelas : Penghargaan dan Penganugerahan	155
Salah Faham Agama	157
Asal-Usul Penghargaan Dalam Quran	159
Membudayakan Pengiktirafan dan Penganugerahan...	162
Komen Terbuka Kepada Budaya Penganugerahan.....	165

Bab Dua Belas : Amanah dan Integriti	171
Engsel Kehidupan Berstatus Jantung.....	172
Ujian Sensitiviti Kepada Amanah dan Integriti	174
“Kalau Tak Takut Tuhan, Takutlah Manusia!”	176
Nota Terakhir.....	181

Dedikasi

Kepada emak yang gigih menjahit pintu kehidupan dengan benang keringat peluh dan kerja keras. Dalam kemiskinan dan serba kekurangan, beliau sentiasa menyantuni masyarakat pada semua peringkat: ahli keluarga, saudara-mara, jiran tetangga, rakan taulan, para pelajar Maktab Mahmud yang memerlukan perhatian dan kasih sayang.

Kepada abah yang sentiasa riang dan positif menyantuni semua pihak, khususnya anak-anak buah beliau di Maktab Mahmud. Beliau adalah ayah angkat dan juga sahabat kepada ratusan pelajar, sehinggalah beliau menghembuskan nafas yang terakhir.

Semoga Allah SWT merahmati roh mereka berdua. Mereka berjaya membina rumah kehidupan dengan pelbagai engsel kehidupan di tengah-tengah ombak badai tekanan dan defisit kehidupan.





Pendahuluan Dan Prakata

Sudah lama terdetik di hati bagi menulis buku yang menyentuh kunci ataupun sendi kehidupan. Tajuk sebegini sememangnya dekat di hati. Siapa yang tidak ingin mendapat kunci dan resepi kehidupan yang bahagia dan sejahtera. Pastiya, semua orang mahu menikmati kejayaan di dunia dan di akhirat.

Pada satu hari, semasa saya berada di sebuah hotel di Alor Setar (Oktober 2018) bagi menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah sebuah universiti tempatan, sekonyong-konyong ilham menjelma dalam minda saya, iaitu mengenai kepentingan engsel dalam apa sahaja bentuk binaan, bangunan dan kenderaan. Memang betul yang tanpa engsel, binaan dan juga kenderaan seperti kereta dan kapal terbang tidak sempurna, malah tidak mampu berfungsi dengan berkesan. Ya, semestinya. Walaupun engsel kecil dari segi saiz, namun sumbangannya dalam sektor pembinaan dan pembuatan memang terlalu besar. Peranan dan fungsinya tidak sepadan dengan saiznya yang amat kecil. Tidak dapat dinafikan.

Bagaimana pula dengan kehidupan manusia di dunia ini? Apakah engsel yang menjadikan keseluruhan binaan kehidupan berfungsi dengan baik dan berkesan? Bagaimana rupa bentuk kehidupan kalau elemen-elemen ini tidak wujud ataupun tidak berfungsi ataupun lenyap sama sekali dalam masyarakat? Soalan-soalan ini semuanya wajar dan munasabah. Ia memerlukan garapan bagi menyelami dunia engsel dan sumbangannya kepada pembangunan kehidupan insani sejati.



Apakah yang mendorong saya menulis buku bertemakan kehidupan? Kehidupan adalah segala-galanya di dunia ini. Banyak dasar dan perkara baik (dan juga jahat) dilakukan, sama ada secara peribadi ataupun pada peringkat masyarakat ataupun negara dan bahkan pada peringkat dunia sekalipun. Ia dilakukan bagi mengurus kehidupan di dunia ini mengikut cara pandangan dan falsafah kehidupan masing-masing ataupun engsel kehidupan yang diterima dan diyakini masing-masing.

Dalam kemelut dan krisis kemanusiaan yang semakin mencabar dan mendesak, ramai orang tertanya-tanya apakah templat atau pun acuan yang ingin di persembahkan Islam. Dalam tempoh 1,200 tahun yang lampau, Islam berjaya membangun dan membina bukan sahaja tamadun dunia tetapi yang lebih penting dan mengujakan adalah kehidupan kemanusiaan yang menyeluruh dan seimbang. Ini semua bukanlah kerja enteng seperti yang mungkin dijangka ramai orang. Kejuruteraan kehidupan manusia yang seimbang dan bahagia adalah perkara yang paling mencabar bagi diusahakan.

Dalam konteks ini, kita semua mengetahui bangunan dan empangan serta teknologi dan sistem pengaliran air memang sukar dibangunkan. Tetapi hakikatnya, adalah lebih sukar dan mencabar bagi membina prasarana kehidupan insani yang seimbang dan maju. Namun, bagi mereka yang ingin berjaya, mereka perlu menggemari cabaran. Tiada kejayaan tanpa cabaran.

Betul, memang ada perbezaan yang ketara antara membina bangunan dan prasarana fizikal dengan

membina kehidupan bagi manusia hidup dengan aman, sejahtera dan penuh kepuasan hati, walaupun mereka barangkali tidak mendapat segala apa yang diperolehi orang lain yang hidup sezaman dan setempat dengan mereka. Pasti ada sesuatu yang menjadikan jiwa-jiwa manusia ini tenang dan sejahtera walaupun mungkin mereka kekurangan dalam sebahagian ataupun kebanyakan aspek keperluan kehidupan.

Buku ini adalah koleksi engsel-engsel kehidupan insani yang berjaya saya kumpulkan daripada bahan mentah yang disediakan suara langit. Namun, ini hanyalah pandangan dan perspektif peribadi saya yang mungkin ada kekurangan dan kelompongan. Jika ada, minta diperbetulkan dan ditambah baik. Sudah pasti di sana terdapat pelbagai lagi engsel kehidupan yang penting yang tidak disebut di sini. Tetapi saya fikir yang beberapa engsel kehidupan yang saya kongsi di sini memadai bagi membentuk kunci dan pembuka kod bagi pembangunan kehidupan insani yang sejahtera dan seimbang di dunia ini.

Semoga denyutan nadi kemanusiaan anda berdenyut sederhana dan senafas dengan gelombang suara langit yang dibawa dalam buku ini. Alangkah indahnya jika anda dan kita semua bukan sahaja menjadi pencinta tetapi juga pencipta engsel-engsel kehidupan ini. Pasti ramai akan mendapat faedah dan manfaat daripada semua ataupun sebahagian engsel-engsel kehidupan ini.

Saya bahagikan buku ini - dari segi isi kandungan - kepada dua bahagian utama walaupun ia tidak mempunyai bahagian yang terpisah secara nyata dan ketara. Pembahagian ini hanyalah dari segi konsep dan

peta minda sahaja.

Bahagian pertama mengandungi tiga bab, iaitu bab pertama, kedua dan ketiga. Saya merancang bagi membina batu asas yang kukuh bagi buku ini melalui bahagian pertama ini. Dalam bahagian pertama ini – melalui ketiga-tiga babnya – saya akan menggarap betapa pentingnya kehidupan yang berengsel, sama ada di dunia fizikal ataupun dunia kemanusiaan yang tidak berbentuk tetap dan konkrit, seperti sebuah bangunan. Inilah latar belakang dan juga lantai yang penting bagi rumah kehidupan yang akan dibina di bahagian kedua nanti.

Satu peringatan mesra buat anda; jangan mengharap sangat anda akan disajikan dengan sebarang engsel kehidupan dalam bahagian pertama ini. Kemungkinan sebahagian engsel ini – jika ada – hanya disebut sepintas lalu kerana ini bukanlah tempatnya bagi memperhalusi setiap satu engsel ini. Kesemua engsel kehidupan pilihan saya akan hanya dimuatkan dalam bahagian kedua.

Dalam bahagian kedua pula (Bab Empat sehingga Bab Dua Belas), kita akan menelusuri beberapa pelampung ataupun bahtera penyelamat yang akan menjadikan kehidupan kemanusiaan timbul dan belayar dengan sejahtera di lautan yang bergelora. Walaupun agak sukar disebut, izinkan saya menyimpulkan bahawa bagi selamat di lautan bergelora ini, satu ataupun dua bahtera (ataupun pelampung) sahaja tidak mencukupi. Terus terang cakap, (anda dan saya) memerlukan sebanyak mungkin bahtera dan pelampung penyelamat ini bagi selamat dan moga-moga kita semua selamat sampai ke destinasi yang diidam-idamkan.

Bahagian ini akan mempersembahkan 9 bahtera bagi

kita bina dan layari dalam lautan kehidupan. Menariknya, kebanyakan bahtera ini mempunyai 'bahtera kembar' yang bergerak serentak ataupun sederap dan senafas. Ia memerlukan satu sama lain, seperti aur dengan tebing ataupun kuku dengan isi serta tidak terpisah jua. Lebih menakjubkan lagi, Quran tidak teragak-agak menyebut kedua-kedua 'kembar' ini dalam satu frasa dan konteks *khitaab ilahi (divine communication)* yang sama. Amat tinggi mesej yang ingin disampaikan suara langit ini. Yang penting adalah kita menghayatinya hingga ke dasar hati dan fikiran.

Saya harap anda sudah bersedia bagi mencipta engsel-engsel kehidupan ini dan juga bagi meletakkan engsel-engsel kehidupan ini di tempatnya yang sesuai dengan pemasangannya yang kemas dan kukuh. Ingat selalu kepentingan tempat yang sesuai bagi memasang engsel dan pastikan pemasangan engsel sentiasa kemas dan kukuh. Inilah erti kehidupan yang sejati dan berkemanusiaan.



BAB SATU

Pengertian Kehidupan Terkait dan Terangkum@ Berengsel

Apa erti kehidupan kalau kita hanya ingin membina kehidupan sejahtera bagi diri sendiri ataupun bangsa sendiri ataupun negara sendiri? Ya, kita memang boleh mengamalkan cara hidup malah kepercayaan keagamaan kita sendiri berdasarkan keyakinan dan cara fikir masing-masing. Ini fakta kehidupan manusia yang jelas sejak dahulu lagi.

Namun, kalau kita mendambakan kebahagiaan bagi semua orang dan bukannya kebahagiaan yang bersifat nafsi-nafsi, kita tidak boleh hidup secara terasing. Ini juga fakta kehidupan. Setiap orang memerlukan orang lain dalam kepelbagaian agama, bangsa dan latarbelakang sosioekonomi bagi membangunkan kehidupan yang berwajah dan berperwatakan manusia.

Dalam artikel ataupun klausa pertama undang-undang sivil Islam pada zaman pemerintahan empayar Khilafah Uthmaniyyah di Turki (pada penghujung kurun ke-19) ataupun lebih dikenali sebagai *Majallah al-Ahkam al-'Adliyyah* ataupun '*The Mejelle*', fakta kehidupan ini

dinyatakan dengan jelas. Artikel pertama daripada lebih 1,800 artikel ini menyimpulkan yang manusia itu adalah bersifat sosial dari segi penciptaannya.

Apa kaitan artikel pertama ini yang berbunyi dan berbau 'kemasyarakatan' ataupun 'sosiologi' dengan keseluruhan artikel yang berbentuk perundangan dan tatacara hukum? Ini yang pelik namun mengujakan. Satu artikel tentang kemasyarakatan dalam hampir dua ribu artikel tentang undang-undang?

Kod undang-undang sivil Islam ini pada kurun ke-19 Masihi ini tidak pula menjelaskan latarbelakang kepada pembahagian sebegini. Pada masa sama, pasti ada di sana rahsia dan faktor utama bagi artikel sebegini - yang bukan berteraskan perundangan - menjadi sebahagian kod undang-undang sivil.

Semasa saya mengajar kursus undang-undang Islam di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (1994 - 2002), saya mempunyai ulasan saya sendiri tentang artikel ini. Saya yakin yang walaupun ia ringkas dan satu-satunya artikel bukan ala-perundangan, namun ia menjadi nadi dan roh kepada seluruh artikel perundangan yang terdapat dalam kod undang-undang sivil Islam ini.

Walau apa pun pandangan dan pembahagian perundangan yang ingin kita bangunkan dan laksanakan, ianya mestilah melihat dan mengambil kira faktor kemanusiaan dan kemasyarakatan sesebuah masyarakat dan negara. Aspek kemanusiaan dan Syariah mestilah selari dan selaras kerana Syariah diwahyukan bagi kebahagiaan dan kebaikan manusia.

Hanya pada tahun 2018, saya berjaya menerbitkan

buku mengenai korelasi antara manusia dan Syariah ataupun wahyu dalam buku saya yang bertajuk, "*Membumikan Syariah : Menjelajah Dimensi Syariah Secara 360 Darjah*" dan kemudiannya diterjemahkan ke bahasa Inggeris dengan tajuk "*Syariah is Life*". Dalam analisis peribadi saya, buku ini sebenarnya cuba memberi ulasan dan nota yang lengkap bagi artikel pertama dalam kod undang-undang sivil Islam kerajaan Uthmaniyyah yang diterbitkan pada tahun 1877.

Anda perlu membaca buku ini bagi memahami sendiri bagaimana tema kehidupan amat rapat dengan suara langit. Korelasi antara wahyu dan keperluan manusia - sepanjang masa - adalah terlalu intim dan malahan prinsip dan hukum Islam boleh dan perlu diubah bagi melestarikan antara keperluan kehidupan dan kepatuhan pada Syariah.

Mampukah Manusia Hidup Berseorangan?

Mungkin ada yang berpendapat terdapat insan tertentu yang mampu hidup seorang diri, di mana dia tidak memerlukan insan lain dalam kehidupannya. Ada dua kemungkinan di sebalik kenyataan ini. Memang seseorang itu mampu hidup seorang diri, misalnya di sebuah pulau yang terasing ataupun di suatu tempat yang terpisah daripada masyarakat. Dalam konteks ini, dia terpaksa bekerja keras bagi menyediakan segala keperluan hidupnya dalam keadaan senang ataupun susah. Tiada pilihan lain baginya. Ini pernah berlaku dalam sejarah dunia pada masa lepas, khususnya pada zaman primitif.

Persoalannya, bolehkah kita namakan ini sebagai satu



kehidupan? Kalau inilah kehidupan yang diinginkan oleh kita (dan Pencipta kita Yang Maha Agung), maka kita tidak memerlukan segala apa yang ada hari ini, termasuk daripada industri makanan, air minuman yang bersih, ilmu perubatan, ilmu pembinaan bangunan tinggi mencakar langit disebabkan tanah kediaman yang semakin terhad, industri komunikasi, aktiviti perniagaan dan seumpamanya.

Kalau kehidupan primitif ini boleh dianggap sebagai satu kehidupan, maka buku yang sedang anda pegang dan baca sekarang ini pun tidak akan berada di tangan anda. Ini kerana semua ini tidak lagi diperlukan dalam keperluan kehidupan solo.

Mudah cakap, apabila idea dan keperluan pembangunan kehidupan dalam masyarakat tidak wujud, maka kehidupan bersama tidak diperlukan. Kita boleh hidup seorang diri. Satu fakta paling mengelirukan adalah kita tetap mampu hidup seorang diri, sepertimana kita juga akan terus hidup apabila memilih bagi hidup secara bersama. Ini menampakkan seolah-olah tiada perbezaan antara hidup seorang diri dan hidup bermasyarakat. Tetapi adakah kita pasti tiada bezanya antara kambing yang meragut dalam kawanan berbanding kambing yang terpisah daripada kawanannya? Bagi kambing itu, mungkin tiada bezanya, namun bagi sang harimau, inilah peluang bagi makan besar.

Kalaulah ini pilihan anda, iaitu hidup seorang diri ataupun hidup nafsi-nafsi demi kepentingan sempit diri sendiri sahaja, inilah nasihat saya; sediakan kubur anda awal-awal supaya anda sempat masuk ke dalam kubur sebelum anda meninggal dunia, takut-takut nanti jasad

anda akan dibaham binatang buas ataupun burung nasar.

Bukan itu sahaja akibat buruk hidup seorang diri bagaikan kera sumbang. Lebih teruk lagi, manusia akan pupus dalam sekelip mata kerana kaum adam dan hawa perlu berkahwin bagi melahirkan zuriat demi terus memakmurkan bumi.

Sehubungan itu, kalau semua manusia pada awal era kehidupan manusia di dunia ini - kurang lebih sejak 1 bilion tahun yang lepas - ingin hidup secara solo dan tiada keinginan berkahwin dan mempunyai anak, maka manusia pastinya pupus dalam beberapa tahun sahaja selepas zaman Nabi Adam a.s. Kalau ini berlaku, sudah tentu anda dan saya tidak akan wujud di muka bumi ini dan sekali lagi, buku ini pun takkan ada di tangan anda. Ini kemungkinan pertama.

Kemungkinan kedua adalah seseorang itu mampu 'hidup' seorang diri kerana dia mempunyai kuasa dan kewangan dan segala apa yang diperlukan (seperti kuasa tentera ataupun ajaran sesat yang memperhambakan dan memperbodohkan manusia), hinggakan orang lain berkhidmat untuknya. Malangnya, sebahagian manusia mungkin menganggap fenomena ini sebagai kemampuan bagi hidup tanpa bergantung kepada orang lain.

Ini benar-benar berlaku dalam masyarakat, di mana orang ataupun pihak yang cukup berkuasa merasai yang kehidupan di dunia ini disediakan semata-mata untuk mereka. Orang lain dianggap seperti tanah bagi diinjakinjak. Ini telah berlaku dengan agak berleluasa pada zaman lampau, khususnya pada zaman dan era kuno dan feudalisme.

Hakikatnya, ia masih terus berlaku pada zaman moden, namun dengan sedikit pengubahsuaian menerusi kuasa politik dan tekanan serta hegemoni tentera, ekonomi dan kewangan, perniagaan, sumber alam dan malahan kuasa veto di Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ataupun di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu itu sendiri. Mungkin feudalisme sudah lama terkubur tetapi kuasa tentera ataupun kuasa ekonomi sudah mengambil alih tempat dan peranan kuasa golongan bangsawan dan pemerintah kuku besi.

Kedua-dua bentuk kehidupan di atas jauh tersasar daripada maksud kehidupan dalam Islam. Merujuk kepada fenomena yang pertama, iaitu hidup sendiri-sendiri dan terpisah daripada kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat, ini bukanlah tujuan agung di sebalik penciptaan manusia. Apa bukti dan dalilnya? Banyak sekali.

Salah Faham Agama

Dalam penciptaan manusia, Allah SWT mencampakkan dalam mereka perasaan suka kepada wanita, anak-anak dan kekayaan. Ini dapat dilihat dalam firman Allah SWT, "Dijadikan indah pada (pandangan) manusia kecintaan kepada apa-apa yang diingini: wanita-wanita, anak-anak, harta yang banyak dari jenis emas, perak, kuda pilihan, binatang-binatang ternakan dan sawah ladang. Itulah kesenangan hidup di dunia; dan di sisi Allah-lah tempat kembali yang baik" (Ali 'Imran: ayat 14). Ramai orang - termasuk para ulama dan sarjana Islam - sejak sekian lama memandang ayat ini dan kandungan ayat ini secara negatif dan hitam. Amat sedih sekali apabila ayat Quran

yang putih dan positif dijadikan hitam dan jelik.

Saya ingin memberi pandangan dan perspektif peribadi saya bagi ayat Quran di atas. Apabila Quran memberitahu manusia bahawa diwujudkan dalam DNA diri mereka rasa kecintaan dan kecenderungan pada wanita, anak-anak, timbunan emas dan kuda yang lengkap dengan perkakasnya, ini tidak sama sekali bermaksud bahawa semua ini ataupun sebahagian perkara ini adalah jahat dan buruk.

Apabila wujudnya nafsu dan keinginan pada wanita, maka warga Adam akan mencari pasangan hidupnya bagi sama-sama menikmati kehidupan berkeluarga. Bila mana berlakunya perkahwinan, maka nafsu manusia dapat disalurkan melalui cara yang baik, sihat dan sejahtera. Nafsu dijadikan Allah SWT bagi dipenuhi dengan cara yang patuh Syariah dan bukan bagi diketepikan. Malah, apabila nafsu dipenuhi dengan cara baik, terdapat kebaikan dan pahala di sisi Allah SWT.

Melalui perkahwinan, akan ada zuriat dan keturunan bagi sesebuah keluarga. Institusi kekeluargaan adalah institusi yang penting dalam sejarah manusia sejak zaman kuno dan zaman batu lagi. Semua manusia, tanpa mengira bangsa dan agama serta kedudukan sosioekonomi, percaya bahawa institusi kekeluargaan adalah penting dalam semua aspek, seperti ketulenan dan keluhuran zuriat, motivasi kewangan dan kekayaan, sistem sokongan sosial, khususnya apabila kedua ibu bapa ataupun salah seorang daripada mereka sudah lanjut usia dan yang lebih penting lagi, kesejahteraan hubungan seksual yang merupakan fitrah yang dicampak Allah SWT dalam diri manusia. Fitrah ataupun kecenderungan manusia dicipta



bagi dipenuhi dengan cara yang patuh Syariah dan bukan bagi dikeji dan dipandang hina.

Memang kadang-kadang kita suka menokok tambah ajaran agama mengikut kecenderungan diri kita sendiri yang tersasar daripada tema dan mesej keseluruhan agama Islam itu sendiri. Ditambahnya garam, kononnya tak cukup masin. Ditambahnya gula, kononnya tak cukup manis. Kita juga suka sangat makna dan mesej agama yang mendatar dan mudah, sedangkan wahyu diturunkan dengan bahasa pilihan yang tinggi dan berkognitif tinggi bagi mencernakan maksud dan mesej agama yang lebih holistik dan canggih.

Ini semua tidaklah buruk dan jelik seperti yang ingin dipapar dan diputarkan oleh sebahagian kita. Kalaulah semua ini buruk, Quran akan menggunakan perkataan yang buruk dan negatif bagi manifestasi kecintaan dan kecenderungan pada wanita, anak-anak, emas dan kuda sebagai alat pengangkutan. Bagi mereka yang meneliti setiap patah perkataan dalam Quran ini dengan minda kognitif, mereka mampu melihat makna sebenar (dan juga keajaiban) Quran.

Dalam konteks ayat di atas, Allah SWT menggunakan perkataan "*zuyyina li al-nas hubb al-shahawat*", iaitu "dijadikan perasaan yang indah kepada manusia bagi menyukai perkara-perkara yang menarik jiwa mereka". Perkataan yang sepatutnya menjadi fokus minda kognitif kita adalah perkataan "dijadikan perasaan yang indah", iaitu berasal daripada perkataan Arab, iaitu "*zinah*". Perkataan asal '*zinah*' dalam bahasa Arab membawa maksud segala apa yang cantik, merdu dan menarik minat manusia (*Lisan al-Arab*).

Apa yang buruk dan jelik serta boleh meruntuhkan kehidupan manusia adalah apabila manusia (golongan lelaki) sudah tidak bernafsu bagi mengahwini wanita, tetapi lebih cenderung kepada golongan sejenis, iaitu sesama jantina, sama ada sesama lelaki ataupun wanita. Ini nafsu dan kecenderungan yang ditegah dan buruk pada pandangan agama. Yang dilarang dan hina bukanlah nafsu bagi hubungan seksual tetapi yang perlu dikawal adalah cara melayani nafsu dan kecenderungan tersebut.

Ini memang dicela dalam Quran dan juga Sunnah. Dalam ayat Quran yang lain, Allah SWT menceritakan bagaimana Nabi Lut a.s. telah menawarkan kepada kaumnya bagi mengahwini anak-anak perempuannya kerana ini adalah cara yang sihat dan membina kehidupan. Ini disebutkan melalui firman Allah SWT (maksudnya); "Lut berkata: Inilah puteri-puteriku (kahwinlah dengan mereka), jika kamu hendak berbuat (secara yang halal)" (surah al-Hijr: ayat 71)

Begitu juga, kehidupan manusia di atas planet ini akan pincang dan punah (mungkin tidak sekarang tetapi pada masa hadapan) sekiranya manusia tidak lagi mempunyai zuriat. Walaupun tidak mempunyai zuriat dan anak bukan satu kesalahan Syariah (berbeza dengan perbuatan hubungan seksual sejenis), ianya juga adalah perbuatan yang perlu dicela kalau ianya sudah bertukar menjadi satu perancangan dan dasar yang tersusun. Ini hakikatnya, lebih-lebih lagi kalau kita membenarkan amalan hubungan seks sejenis dalam sesebuah masyarakat dan negara sebagai satu tiang kehidupan yang diiktiraf dalam rangka perundangan negara moden.

Ia perkara yang tentunya mengakibatkan impak

negatif pada keseluruhan manusia, jika tidak dalam masa terdekat tetapi pastinya pada hari mendatang. Kalau tiang sudah dimamah anai-anai, lambat-laun berkecailah ia. Perbezaan antara impak kesalahan seksual, seperti hubungan seksual sejenis dan hubungan seksual tidak sah berbanding dengan kesalahan Syariah yang lain adalah apabila berlaku kesalahan seksual, ia melibatkan masa depan manusia dari segi ketiadaan zuriat dan ia juga tidak dapat dikembalikan kepada keadaan asal kalau ketulenan keturunan sudah bercampur-aduk (*irreversible*). Ia bakal mengundang kesan dan impak yang tidak boleh dibaik pulih buat selama-lamanya. Terlajak perahu boleh diundur, terlajak tindakan seksual buruk akibatnya.

Kehidupan Yang Terangkum

Kehidupan di dunia ini memerlukan semua orang bagi hidup bersama-sama. Seiring sejalan. Yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing. Konflik peperangan dan perhambaan (termasuk perhambaan seks) serta hegemoni yang berlaku pada masa lepas dalam sejarah dunia ini bukanlah alasan bagi meneruskan cara kehidupan sedemikian pada zaman moden ini. Kalau sudah tersilap langkah, masakan kita mahu terus langsung terjelepok? Tidak keterlaluan kalau disimpulkan bahawa manusia tiada pilihan, melainkan hidup bersama demi membangunkan dunia ini secara penuh kelestarian dan kemanusiaan. Apa pula pilihan dan pandangan anda?

Saya juga berpandangan kita tiada pilihan, melainkan hidup secara empati (iaitu dengan merasai kesusahan orang lain), walaupun ini sukar menjadi satu realiti.

Memang kita lebih mudah berempati kalau kita hidup dalam satu puak ataupun kaum sahaja. Namun, ini pun tidak berlaku dengan mudah dalam sejarah dan fakta kehidupan di negara yang mempunyai satu kaum dan bangsa sahaja. Kendati pun begitu, sebaik sahaja kita hidup dalam kalangan orang yang berbeza bangsa dan agama serta harapan dan visi kehidupan yang berada di sekeliling kita saban hari, perasaan bagi berempati semakin mencabar. Inilah antara cabaran engsel kehidupan, iaitu cabaran dari dalam diri manusia sendiri.

Elok kita berhenti sejenak bagi melihat apa mesej Quran tentang kepelbagaian jantina dan kaum serta bangsa. Paling menarik adalah Quran tidak menafikan fenomena ini dan ia merupakan satu fakta kehidupan sejak zaman-berzaman. Namun, Quran menyatakan fenomena ini dengan nada dan olahan bahasa yang positif dan membina. Allah SWT berfirman (maksudnya); "Wahai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah adalah orang yang paling bertakwa antara kamu..." (surah al-Hujurat: ayat 13).

Hanya satu perkataan digunakan bagi menggambarkan mesej utama penciptaan manusia dari dua jantina dan pelbagai bangsa, iaitu bagi mereka 'saling mengenali antara satu sama lain'. Ini mesej mudah dan mendatar yang mampu difahami dan inilah yang menjadi sebutan masyarakat Islam dan menjadi bahan ceramah dan pengajian agama. Persoalannya, adakah ini sahaja yang dapat difahami daripada ungkapan 'saling mengenali antara satu sama yang lain' dalam konteks masyarakat



antarabangsa dan kepelbagaian latar belakang?

Ini semua mungkin berkaitan dengan landskap dunia secara global, khususnya pada era langit terbuka dan teknologi digital. Kita sudah melihat keajaiban ini - pada era ini - apabila kehidupan kita didapati sentiasa terkait dan terangkum.

Buku ini juga ingin membuat rujukan khusus kepada landskap kehidupan dalam sesebuah negara dengan skop yang lebih kecil dan lebih terfokus. Saya masih berpandangan yang kehidupan secara terkait dan terangkum adalah templat kehidupan yang terbaik bagi sesebuah negara. Malah, ia menjadi semakin kritikal dalam konteks sebuah masyarakat dan negara kerana kebahagiaan dan kelestarian semua orang bergantung kepada kebahagiaan orang lain.

Pendek kata, cubit paha kanan, paha kiri pun terasa juga. Kesejahteraan dan kelestarian kehidupan negara mempunyai korelasi yang amat rapat dengan semua organ dan unit kehidupan dalam sesebuah negara. Kelestarian negara hanya mampu dicapai apabila semua organ dan kelompok masyarakat mendapat hak dan keperluan asasi mereka.

Dalam erti kata yang lain, terdapat banyak engsel yang perlu diwujudkan dalam sesebuah masyarakat dan negara supaya bangunan kehidupan itu mampu dibangunkan dan siap-siaga beroperasi serta memberi impak tanpa sebarang halangan, sekatan dan keterbatasan.

Dalam konteks kenegaraan, terdapat amat banyak engsel yang diperlukan demi kelestarian kehidupan, seperti institusi kehakiman (dan tentunya pecahan dan

pengasingan kuasa antara agensi perundangan dan eksekutif serta kehakiman), biasiswa pendidikan kepada yang tidak mampu, belanja perubatan yang ditaja ataupun disubsidi bagi mereka yang memerlukan bantuan, prasarana bekalan elektrik dan air bersih dan bahkan pasaran saham dan pengawal selia pasaran modal negara.

Manifestasi Kehidupan Yang Terangkum

Izinkan saya bagi membawa satu contoh bagi mendekati kefahaman anda kepada kepentingan kehidupan yang terkait dan terangkum. Dalam bidang pelaburan misalnya, pihak pemilik syarikat mungkin memerlukan dana yang mencukupi bagi membangunkan ataupun memperluas operasi perniagaannya. Antara cara mendapat dana yang mencukupi adalah dengan mengapungkan saham sesebuah syarikat di pasaran bursa bagi mendapat modal daripada orang ramai - sama ada pelabur korporat ataupun runcit.

Bagi memastikan para pelabur tidak tertipu, maka setiap pengapungan atau penerbitan saham syarikat di bursa awam mesti mendapat kelulusan pihak berkuasa, iaitu pihak penyelia dan bursa sendiri. Kedua-dua badan ini mempunyai cara penilaian yang ketat dan juga senarai patuh urus tadbir yang mampan. Kos penelitian wajar (*due diligence*) dan pengapungan mesti ditanggung pihak syarikat yang memohon pengapungan saham syarikat mereka.

Ini memberikan kelebihan kepada para pelabur, khususnya pelabur runcit bagi melabur tanpa sebarang keperluan bagi melakukan semak periksa dan penelitian



(*due diligence*) kerana ini semua sudah dilakukan pihak berkuasa dan kos pematuhan sudah dibayar syarikat berkenaan. Ini adalah engsel dalam konteks pelaburan di bursa. Apa akan jadi kalau engsel ini tidak diwujudkan; apakah yang akan berlaku kepada pasaran saham dan sebelum itu, kepada pengapungan saham syarikat tertentu dan khususnya risiko yang bakal ditanggung pelabur?

Apa yang pasti, para pelabur, sama ada pelabur korporat ataupun runcit mesti melakukan usaha pemeriksaan dan penelitian mereka sendiri yang sudah tentu memakan belanja yang besar dan masa yang lama bagi mendapatkan semua maklumat tentang sesebuah syarikat yang tersenarai dan urusan bisnesnya yang perlu didedahkan. Ini pasti tidak mampu dilakukan para pelabur, dan akibatnya, pasaran saham sesebuah negara pasti terjejas.

Malah, kalau kita dengan mudah (dan cuai) membuat pengapungan saham sesebuah syarikat di bursa tanpa sebarang penelitian dan semakan, bukan sekadar pelabur menghadapi risiko kerugian tetapi kestabilan sektor ekonomi dan kewangan negara akan turut terjejas. Awas! Jangan ambil mudah perkara sebegini. Banjir besar pun bermula dari setitik air. Akhirnya, apabila empangan dah pecah, maka terburailah semuanya. Menariknya, dalam kes ini pun, terdapat korelasi yang jelas antara risiko pada pelabur dan risiko pada kelestarian sektor kewangan negara.

Ini juga tidak asing dalam ajaran Islam, yang mana zakat ke atas pelbagai jenis harta yang diwajibkan ke atas orang kaya adalah satu engsel kehidupan yang penting. Lebih menarik lagi, kewajipan dan cara perakaunan zakat

mempunyai pelbagai engsel kehidupan pada masa yang sama. Ini memang menarik.

Pertamanya, zakat adalah sumbangan wajib orang kaya kepada lapan golongan yang memerlukan bantuan kewangan. Ini adalah sumbangan wajib daripada mereka yang mampu kepada mereka yang memerlukan bantuan dalam pelbagai situasi. Agama Islam adalah satu-satunya agama yang menjadikan bantuan kewangan sebagai sendi dan engsel bagi kehidupan keagamaan dan kemasyarakatan.

Engsel yang kedua pula adalah kesan perakaunan zakat, di mana zakat hanya diwajibkan ke atas lebih harta (*surplus*). Ini fakta – bagi saya secara peribadi – yang lebih menarik dan mengilhamkan. Apa makna semua ini?

Bagi mencapai keperluan lebih ataupun *surplus* ini, seseorang itu hendaklah terlebih dahulu membelanjakan hartanya bagi apa sahaja tujuan dan juga tempoh setahun perbelanjaan telah berlalu bagi segala harta kekayaan yang dimilikinya dan sudah pun dibelanjakan. Sekiranya harta yang berbaki masih melepasi jumlah minimum kecukupan harta zakat (*nisab*) selepas satu tahun diberikan peluang bagi berbelanja (*haul*), pemiliknya boleh dianggap sebagai kaya dan sehubungan itu, zakat menjadi satu kewajipan ke atas beliau. Inilah konsep engsel kehidupan yang unik dalam dalam urusan zakat. Hairan pula bagaimana terdapat engsel kehidupan dalam satu tuntutan agama? Di manakah engsel kehidupan dalam hal ini? Ikuti jawapannya sebentar lagi.

Zakat tidak diwajibkan ke atas segala pendapatan dan hasil perolehan (dalam konteks zakat wang dan aset kewangan). Ia hanya diwajibkan ke atas wang tunai





Engsel Kehidupan

Bagaimana rupa bentuk kehidupan jika engsel tidak berfungsi, tidak wujud ataupun lenyap sama sekali dalam masyarakat?

Selami jiwa pengarang dalam mencipta dan memastikan engsel – engsel kehidupan kemas dan kukuh. Inilah erti kehidupan yang sejati dan berkemanusiaan.

DATUK DR MOHD DAUD BAKAR dikenali sebagai salah seorang cendekiawan Syariah elit dunia oleh para pengamal industri kewangan Islam. Beliau amat dikenali kerana kemampuannya menawarkan penyelesaian yang praktikal dan boleh dilaksanakan.

Dilahirkan di Alor Setar, Kedah pada tanggal 5 Mac 1964, beliau menerima pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Sungai Korok Baru. Dilatih untuk berjalan sejauh 2 kilometer pergi dan pulang ke sekolah setiap hari membuka ruang bagi beliau berangan – angan untuk keluar dari kancha kemiskinan.

Tahun 2005 menyaksikan kejayaan beliau mencipta kegemilangan dalam dunia akademik, namun berbekalkan usaha dan doa beliau menguji tekad dengan menubuhkan syarikatnya sendiri, "Amanie". Tindakan itu berjaya memberikan perspektif istimewa kepadanya sebagai cendekiawan Syariah iaitu dwiperspektif dengan realiti komersil dan realiti akademik.

Seorang yang menghargai cabaran dan kejayaan, beliau turut memanfaatkan pengalaman serta berkongsi ceritanya di dalam "Saya Ada 25 Jam Sehari dan karya agung beliau, "Minda Syariah Kewangan Islam: Kisah Balik Tabir Perspektif Cendekiawan Syariah". Sehingga kini, beliau telah menghasilkan sebanyak 15 buah karya pelbagai genre.



Seni Grafik oleh RAZAKO dari Amanie Media



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA